

Oleh Azli Ayob
azliayob@bharian.com.my

Pelbagai faktor pengaruh

Fasa paling sihat apabila berlaku lonjakan awa

EKONOMI tidak tumbuh mengikut garisan lurus, sebaliknya ia berkembang, merudum ke dalam kemelesetan dan kemudian mula pulih semula yang membawa kepada pengembangan seterusnya.

Kitaran ekonomi dipacu oleh pelbagai faktor seperti kitaran kredit, gelembung aset, demografi dan penemuan terulung teknologi.

Sebagai contohnya, ekonomi Malaysia mengalami kemelesetan teruk pada 1998 ekoran daripada krisis kewangan Asia.


Setelah pulih pada 1999 dan 2000, ekonomi Malaysia kembali perlahan pada 2001 disebabkan kemerosotan ekonomi global berikutan penguncupan teknologi yang berlaku di Amerika Syarikat (AS).

Dalam kemelesetan ekonomi global pada 2009, ekonomi Malaysia menguncup sebanyak 1.7 peratus kerana eksport yang lembap disebabkan penurunan dalam ekonomi AS dan ekonomi utama lain dalam persekitaran kredit yang ketat dan pasaran buruh yang lemah.

Pada umumnya, istilah kitaran ekonomi (atau kitaran perniagaan) merujuk kepada keadaan turun naik dalam aktiviti ekonomi di sekitar arah aliran pertumbuhan jangka panjang, dan secara lazimnya membabitkan peralihan antara tempoh pertumbuhan yang agak pesat dan tempoh penurunan relatif.

Pemulihan permulaan

Fasa pemulihan permu-



BURSA saham pertunjuk utama keadaan ekonomi negara.

laan, yang biasanya adalah fasa pendek selama beberapa bulan, menunjukkan tempoh apabila ekonomi mula pulih daripada kemelesetan. Selalunya terdapat inisiatif rangsangan kerajaan yang dilaksanakan seperti perbelanjaan rangsangan dan mengenakan kadar faedah yang rendah.

Keyakinan perniagaan semakin meningkat dan inventori mula dibina semula. Namun, dengan kadar pengangguran yang masih lagi tinggi, keyakinan pengguna mungkin masih rendah.

Lonjakan awal

Ini adalah fasa yang paling sihat dalam kitaran ekonomi

kerana pertumbuhan boleh menjadi teguh tetapi tidak terlalu pesat atau inflasi tidak meningkat secara berlebihan. Fasa ini biasanya berlanjutan selama setahun hingga beberapa tahun asalkan pertumbuhan tidak terlalu pesat dan pada kadar yang mampan. Dalam tempoh ini,

pembinaan semula inventori yang kita saksikan dalam tempoh pemulihan permulaan membawa kepada aktiviti pengambilan pekerja yang lebih rancak oleh syarikat. Justeru, pasaran pekerjaan meningkat, keyakinan pengguna turut meningkat. Ini turut membawa kepada jualan

i kitaran ekonomi negara

al pertumbuhan walaupun tidak begitu pesat



PENGUNAAN kad kredit turut pengaruhi kitaran ekonomi.

yang kukuh. Regi menampung peningkatan permintaan barangan dan perkhidmatan mereka, perniagaan mula melabur untuk mengemban-

LONJAKAN LAMBAT

Ekonomi kini beroperasi pada keupayan penuh dan menghadapi bahaya akan menjadi terlalu rancak. Keyakinan adalah tinggi di kalangan pengguna dan perniagaan, dan pengangguran adalah pada paras yang sangat rendah. Inflasi semakin meningkat dan upah bertambah tinggi kerana berlaku kekurangan tenaga pekerja. Untuk memerangi kenaikan inflasi, bank pusat menaikkan kadar faedah.

Perlahan

Ekonomi meadi perlahan, biasanya akibat kadar faedah yang lebih tinggi. Keyakinan

perniagaan mula goyah, dan firma mula mengurangkan inventori mereka, sekali gus memberi kesan tidak langsung terhadap pengangguran dan perbelanjaan sektor swasta.

Kemelesetan

Kemelesetan secara konvensional ditakrifkan sebagai pertumbuhan KDNK negatif selama dua sukuan berturut-turut. Dalam fasa ini, selalunya terdapat kemerosotan inventori yang besar dan penurunan dalam pelaburan perniagaan. Pengangguran boleh meningkat dengan cepat, sekali gus memberi tekanan kepada inflasi. Perbelanjaan pengguna ke atas barangan tahan lama merosot. Dalam kemelesetan teruk, sistem kewangan mungkin tertekan oleh hutang lapuk, lantas membuatkan bank berhati-hati memberi pinjaman.

Memandangkan setiap fasa kitaran ekonomi membabitkan keadaan yang berbeza - kadar inflasi, keyakinan pengguna dan perniagaan, kadar penggunaan keupayaan, kadar pengangguran dan keuntungan korporat yang berbeza-beza - maka fasa kitaran ekonomi boleh memberi kesan yang besar kepada sektor ekonomi yang berlainan.

Apakah pula kesan daripada kitaran ekonomi ini kepada pelaburan?

Prestasi saham amanah akan dipengaruhi kitaran ekonomi ini, bergantung kepada jenis aset dan sektor di mana dana saham amanah itu dila-burkan.

Peringatan

Titik perubahan kitaran ekonomi selalunya sukar diramalkan. Fasa kitaran ekonomi yang berlainan mungkin

berbeza-beza dari segi tempoh dan kesannya. Kemelesetan mungkin teruk (misalnya, kemelesetan 1930-an dan awal 1980-an) atau ia mungkin tidak berpanjangan dengan hanya berlaku penurunan kecil dalam pengeluaran dan peningkatan sederhana dalam pengangguran. Pelabur juga perlu ingat bahawa urutan pelbagai fasa kitaran ekonomi adalah tidak tetap. Fasa tertentu dalam kitaran ekonomi mungkin tidak berlaku dan fasa sebelumnya juga mungkin terbalik.

Justeru, pastikan ada kepelbagaian portfolio pelaburan yang secukupnya, atau apa yang dipanggil peraturan "tidak memasukkan semua telur dalam sebuah bakul".

Melabur untuk jangka panjang adalah satu lagi peraturan yang baik, yang akan menolong menghindari jualan panik semasa pasaran jatuh kerana pelabur terpengaruh dengan prestasi jangka pendek pasaran.

Pelabur juga boleh menggunakan pakai amalan pemura-taan kos ringgit, iaitu membeli jumlah ringgit tetap saham amanah atau pelaburan lain secara kerap tanpa menghiraukan harga unit. Apabila kerap melabur dengan jumlah tetap, pelabur boleh mengambil kesempatan ke atas kejatuhan harga pasaran tanpa perlu bimbang bila ia akan berlaku. - Artikel ini disumbangkan oleh Public Mutual bhd.